

JOURNEY WITH LBS

VOL
27

OKTOBER 2022

 **LBS**
BELIEVE • BECOME • BEHOLD

ALAMAT PERNIAGAAN

HQ

PLAZA SERI SETIA, LEVEL 1 – 4
NO.1 JALAN SS9/2
47300 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: +603 7877 7333
F: +603 7877 7111

MITC SDN BHD

NO. L3-22 PLAZA SERI SETIA
NO.1 JALAN SS9/2
47300 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: +603 7877 7333
F: +603 7861 8077

MGB BERHAD

H-G, SUNWAY PJ @ 51A
JALAN SS9A/19, SEKSYEN 51A
47300 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: +603 7874 5888
F: +603 7874 5889

BATU PAHAT

NO. 27-29, JALAN PUTERA INDAH 12/1
BANDAR PUTERA INDAH
TONGKANG PECHAH
83000 BATU PAHAT
JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
T: +607 445 8899
F: +607 445 8888

CREDIT ADMINISTRATION

NO. L3A-21, PLAZA SERI SETIA
NO.1 JALAN SS9/2
47300 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: +603 7861 6000
F: +603 7861 6001/6002

IPOH

NO.17 MEDAN IPOH 1A
MEDAN IPOH BISTARI
31400 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN, MALAYSIA
T: +605 255 8820
F: +605 548 6137

CAMERON HIGHLANDS

B3-31-G BRINCHANG SQUARE
JALAN BESAR BRINCHANG
39100 CAMERON HIGHLANDS
PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA
T: +605 491 5018
F: +605 491 5020

PEJABAT & GALERI JUALAN

ZON TENGAH

D' ISLAND RESIDENCE

NO.3 JALAN TIMUR 9
D' ISLAND RESIDENCE
47130 PUCHONG
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

BANDAR SAUJANA PUTRA

NO. 2 & 6 JALAN SPU 1
BANDAR SAUJANA PUTRA
42610 JENJAROM, KUALA LANGAT
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

BUKIT JALIL

E13, PUSAT BANDAR BUKIT JALIL
JALAN JALIL UTAMA 2
57000 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

ZENOPY RESIDENCES

A-1-13A ZENOPY RESIDENCES
JALAN LP 7/4
TAMAN LESTARI PERDANA
43300 PUNCAK JALIL
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

LBS SKYLAKE RESIDENCE

NO.3 JALAN TIMUR 9
D' ISLAND RESIDENCE
47130 PUCHONG
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

LBS ALAM PERDANA

PERSIARAN ALAM PERDANA
42300 BANDAR PUNCAK ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

KITA @ CYBERSOUTH SALES GALLERY

CYBERSOUTH
43800 DENGKIL
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

PRESTIGE RESIDENCE

JALAN LP 7/4
TAMAN LESTARI PERDANA
BANDAR PUTRA PERMAI
43300 SERI KEMBANGAN
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

ZON UTARA

BRINCHANG SQUARE

B3-31-G, BRINCHANG SQUARE
JALAN BESAR BRINCHANG
39100 CAMERON HIGHLANDS
PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA
T: +605 491 5018
F: +605 491 5020
HP: +6012 206 7334

TAMAN KINDING FLORA

CHANGKAT KINDING
31250 MUKIM HULU KINTA
PERAK DARUL RIDZUAN, MALAYSIA
T: 1700 81 8998

ZON SELATAN

BATU PAHAT

NO. 27-29, JALAN PUTERA INDAH 12/1
BANDAR PUTERA INDAH
TONGKANG PECHAH
83000 BATU PAHAT
JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
T: +605 445 8899
F: +605 445 8888

Isi Kandungan

Topik Hari Ini

- 06 Piala Dunia 2022
- 10 Sambutan Hari Deepavali di Malaysia
- 12 Kesihatan Mental

Projek

- 16 SCAPES Hotel
- 24 LBS SkyLake Residence
- 28 Residensi Bintang Bukit Jalil
- 32 KITA Sejati

Gaya Hidup

- 20 Bagaimana untuk membeli-belah untuk hadiah krismas

Aktiviti - aktiviti

- 34 LBS Aktiviti
- 36 LBS Foundation



Mesej dari Pengerusi Eksekutif

Dengan permulaan suku akhir tahun 2022, izinkan saya untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali dan Selamat Hari Krismas kepada semua pembaca Hindu dan Kristian.


Apabila dunia semakin menghampiri fasa endemik, kita akan terus mengingati mereka yang telah meninggalkan kita dan seterusnya meraikan mereka yang masih bersama kita. Vaksinasi masih diteruskan dengan suntikan penggalak dan kita harus terus mematuhi garis panduan yang dikeluarkan daripada Kementerian Kesihatan. Walau apa pun, virus itu akan bersama kita untuk masa hadapan yang boleh dijangka dan kita harus mengambil semua langkah berjaga-jaga yang sewajarnya, jika bukan untuk diri kita sendiri, maka untuk orang yang kita sayangi.

Selepas kejayaan besar kempen sebelum ini, kami dengan sukacitanya mengumumkan kempen baharu, LBS Fabulous Extra 2022-23. Kami telah menerima banyak maklum balas yang menggalakkan daripada para pembeli rumah dan dengan ini, kami kembali menawarkan lebih banyak hadiah untuk dimenangi oleh pembeli rumah baharu LBS. Nilai-nilai hadiah juga telah ditingkatkan kepada sejumlah RM1.5 juta, termasuk 22 unit Perodua Axia.

Terdapat banyak insentif baharu yang turut ditawarkan dan bakal mengundang kegembiraan kepada keluarga bahagia LBS. Sila layari virtualfair.lbs.com.my.

Akhir sekali, kami merasa bangga untuk terus berbakti kepada anda di samping merealisasikan impian rakyat Malaysia untuk memiliki rumah idaman. Menghampiri penghujung tahun, ini adalah masa yang sesuai untuk mengingati serta mensyukuri atas segala perkara yang telah berlaku.

Kekal selamat dan terus maju ke hadapan demi Malaysia yang lebih sentosa.

A portrait of Tan Sri Lim Hock San, a middle-aged man with short grey hair and glasses, wearing a dark blue suit, white shirt, and blue patterned tie. He is standing against a light grey background with abstract wavy lines and a large orange circle in the top right corner.

Tan Sri Lim Hock San
LBS Bina Group
Pengerusi Eksekutif

Tidak dinafikan lagi bahawa **bola sepak** merupakan sukan yang paling diminati dengan begitu banyak penyertaan di seluruh dunia.

Mudah saja. 22 peserta, satu padang, sebiji bola, dua tiang gol, tapi dengan satu matlamat untuk bergelar juara. Peminat sukan ini juga amat serius dan bagi mereka ini bukan hanya sekadar sukan, tetapi merupakan sebahagian dari kehidupan mereka. Mereka bangun di luar waktu kebiasaan, iaitu awal-awal pagi, dengan hiruk pikuk jeritan di depan kaca TV..dan mengambil cuti sakit pada keesokan harinya...atau cuti kecemasan (EL). Mereka meraikan kemenangan dan kekalahan bersama pasukan mereka dan kadang-kadang mereka terjerumus dengan keganasan di kalangan penyokong fanatik.

Musim Piala Dunia sedang menghampiri dan para peminat semua sudah bersedia. Peti sejuk dan dapur sudah dilengkapi dengan stok mencukupi dan dengan bateri baru pada jam-jam sebagai penggera... pertarungan sudah sedia.

Piala Dunia FIFA, atau lebih dikenali sebagai **Piala Dunia** telah bermula sejak 1930. Jika difikirkan, ianya tidaklah merupakan tempoh yang lama, dan sukan ini telah menambat hati jutaan peminat tidak mengira usia. Ianya memisahkan sahabat baik mahupun keluarga, dan lebih penting dari hal ehwal politik ataupun perubahan iklim. Adalah menjadi kebiasaan apabila seseorang penyokong di dalam sesebuah keluarga akan menurunkan minat tersebut kepada ahli keluarga mereka, dan seterusnya mengharapkan seluruh ahli keluarga akan menyokong pasukan yang sama..selamanya.

Dikendalikan oleh Persekutuan Antarabangsa Bolasepak atau FIFA, Piala Dunia dianjurkan **setiap empat tahun** (kecuali 1942 dan 1946, berikutan Perang Dunia 2) dan diwakili oleh pilihan pasukan yang terbaik di dunia di mana pada akhirnya hanya satu kumpulan akan dinobatkan sebagai juara. Pusingan kelayakan berlangsung selama tiga tahun sebelum Piala Dunia.

Menurut FIFA, Piala Dunia yang dianjurkan di Rusia sebelum ini ditonton oleh 3.57 bilion manakala perlawanan akhir di antara Perancis dan Croatia disaksikan oleh 1.12 bilion penonton. **Perancis muncul juara** pada edisi tersebut dan merupakan juara bertahan pada Piala Dunia 2022.

PIALA DUNIA 2022

Pada tahun ini, sejumlah 32 pasukan di dalam lapan kumpulan bakal memburu gelaran juara dunia di

QATAR

GROUP A

QATAR   ECUADOR
SENEGAL   NETHERLANDS

GROUP B

ENGLAND   IRAN
USA   WALES

GROUP C

ARGENTINA   SAUDI ARABIA
MEXICO   POLAND

GROUP D

FRANCE   DENMARK
AUSTRALIA   TUNISIA

GROUP E

SPAIN   COSTA RICA
GERMANY   JAPAN

GROUP F

BELGIUM   CANADA
MOROCCO   CROATIA

GROUP G

BRAZIL   SERBIA
SWITZERLAND   CAMEROON

GROUP H

PORTUGAL   GHANA
URUGUAY   SOUTH KOREA



Walaupun negara tuan rumah mendapat kelayakan di kalangan 32 pasukan, juara bertahan perlu melayakkan diri melalui peringkat pemilihan untuk dimasukkan ke dalam 32 pasukan akhir. Terdapat dua peringkat dalam Piala Dunia.

Pertama, pasukan dalam kumpulan yang sama akan dipadankan antara satu sama lain dalam format 'round-robin', bermakna dengan empat kumpulan, setiap pasukan perlu bersemuka antara satu sama lain dan dua pasukan teratas dalam setiap kumpulan akan meneruskan ke peringkat kedua Piala Dunia, iaitu format kalah mati di mana sesebuah pasukan hanya boleh mara ke peringkat akhir jika mereka menewaskan pihak lawan.

Adalah sesuatu yang tidak menghairankan, sekiranya Brazil berada di bahagian atas senarai yang berkemungkinan menang pada 2022. Penggenap untuk membuat lima pasukan teratas ialah Perancis, England, Sepanyol dan Jerman. Sudah tentu, anda tidak boleh mengenyahkan Argentina dan Itali. England sentiasa diramalkan untuk menang... tetapi sejujurnya, ia adalah pertarungan yang tipis. Setiap pasukan merupakan mereka yang berpengalaman di dalam dunia bola sepak. Ianya bukan sesuatu yang mustahil sekiranya salah satu daripada pasukan ini menang.

Tetapi seperti yang diketahui oleh peminat bola sepak, kedudukan dan peluang pertarungan tidak selalunya menjadi kenyataan



di atas padang. Pastinya, kedudukan 'ranking' adalah berdasarkan prestasi semasa, terutamanya dalam fasa penyingkiran menuju Piala Dunia. Tetapi sekali lagi, berapa ramai yang menjangkakan Croatia akan mara ke pusingan akhir dalam Piala Dunia sebelum ini? Ramai yang tidak menyangkakannya.

Berita baiknya ialah anda boleh memilih mana-mana pasukan yang anda ingin sokong, tetapi peminat bola pada kebiasaannya akan memilih untuk menyebelahi pasukan yang digemari, manakala yang benar-benar tegar akan kekal menyokong pasukan kegemaran mereka sejak mereka mula meminati sukan bola sepak ini, atau berdasarkan pemain bola sepak pasukan kegemaran mereka dalam mana-mana liga terkemuka seperti Liga Perdana Inggeris, Bundesliga atau La Liga. Jika anda merupakan peminat Cristiano Ronaldo, anda akan menyokong Portugal. Ia kemungkinan besar akan menjadi penampilan terakhirnya di Piala Dunia. Mana-manapun pasukan pilihan mereka, nikmati permainan, dapatkan tidur yang cukup, minum air secukupnya, bukan hanya Coke atau kopi untuk membuatkan anda terjaga.

Keluar, turun ke padang atau padang futsal, dapatkan latihan satu dalam empat tahun anda, berselimutkan dengan warna kebangsaan pasukan anda. Terbukti inilah yang perlu dilakukan oleh peminat fanatik Piala Dunia. Kerana ini adalah masa anda, pengkritik profesional yang duduk di atas kerusi rumah, dan mengapa tidak? Kita semua dibenarkan untuk memberikan pandangan dan pendapat kita. Paling penting, nikmati saat itu. Pertaruhan sama sekali tidak digalakkan kerana ia bakal mengundang ketagihan dan keruntuhan tingkah laku yang boleh memusnahkan hidup anda. Cukup sekadar belanja Teh Tarik bersama kawan-kawan. Ingat, perkara yang paling indah adalah apabila pasukan pilihan anda menang dan anda akan sentiasa mengingatkannya...selama empat tahun.

Dalam pada itu, pasukan Denmark dilihat akan menjadi kuda hitam di dalam kejohanan itu, jadi perhatikan mereka. Sekadar peringatan mesra, ini adalah bola sepak dan apa sahaja boleh berlaku, dan ia TIDAK berakhir sehingga wisel penamat dibunyikan. Jam penggera telah ditetapkan. Pada nota akhir, ingat, **Piala Dunia 2022 bermula pada 21 November dan perlawanan akhir bakal berlangsung pada 18 Disember.**



PIALA DUNIA

Fakta Menarik

01

Perlawanan pertama yang direkodkan adalah di antara **Scotland dan England** pada 1972

02

FIFA ditubuhkan pada 1904

03

Uruguay merupakan tuan rumah dan juara pada Piala Dunia pertama pada tahun 1930 menewaskan Argentina 4-2 di perlawanan akhir

04

Brazil merupakan pasukan yang paling banyak memenangi Piala Dunia – 5 (1958, 1962, 1970, 1994, 2002)

05

Jerman dan Italy masing-masing telah memenangi 4 Piala Dunia; Argentina, Perancis dan Uruguay memenangi 2; England dan Sepanyol masing-masing 1

06

Brazil merupakan satu-satunya negara yang bertanding di dalam setiap kejohanan Piala Dunia

07

17 negara pernah terlibat dengan penganjuran Piala Dunia

08

Piala Dunia disertai oleh **24 pasukan** pada tahun 1982 dan 32 pasukan pada 1998

09

48 pasukan bakal bertanding pada tahun 2026

10

Jumlah pasukan yang layak ke Piala Dunia:
Piala Dunia 2002 – 200 buah negara
Piala Dunia 2006 – 198 buah negara
Piala Dunia 2010 – 204 buah negara
Piala Dunia 2022 – 206 buah negara

11

Brazil dibenarkan menyimpan trofi Piala Dunia selepas memenangkannya pada tahun 1970

12

Trofi tersebut telah **dicuri** dari Persekutuan Bolasepak Brazil pada 1983 dan tidak pernah dilihat lagi dipercayai dicairkan untuk emasnya yang bernilai

13

Trofi baru direka oleh Silvio Gazzaniga. Berukuran tinggi 36 cm, dibuat dari emas 18 karat seberat 6.175 kg

14

Kini pasukan yang bergelar juara hanya membawa pulang **replika saduran emas**, manakala trofi sebenar hanya dipamerkan seketika dan dikunci serapinya.

15

Piala Dunia FIFA 2002 yang dianjurkan oleh Korea Selatan dan Jepun merupakan penganjuran kali pertama di **Asia**

16

Negara penganjur **dipilih berdasarkan undi** suruhanjaya FIFA dan wajib mematuhi syarat-syarat ketat FIFA untuk layak diberi hak penganjuran

17

Pemain Mexico, Antonio Carbajal (1950–1966) dan Rafael Márquez (2002–2018); serta pemain Jerman Lothar Matthäus (1982–1998) merupakan tiga pemain yang bermain di dalam 5 edisi Piala Dunia

18

Miroslav Klose dari **Jerman** (2002–2014) merupakan penjaring terbanyak Piala Dunia dengan 16 gol

19

Pemain Brazil, Mário Zagallo, pemain Jerman Barat, Franz Beckenbauer dan France's Didier Deschamps merupakan antara individu yang memenangi Piala Dunia sebagai pemain dan ketua jurulatih

20

Sehingga kini, Brazil menjaringkan gol terbanyak sejumlah **229 gol**

SAMBUTAN HARI DEEPAVALI di MALAYSIA

Menurut sejarah Deepavali atau Diwali akan membawa kita kepada dua versi utama, iaitu versi India Utara dan India Selatan. Oleh kerana majoriti orang India di Malaysia adalah bangsa Tamil, ianya lebih cenderung ke arah India Selatan yang meraikan perayaan Tuhan Krishna yang telah mengalahkan dan menamatkan kehidupan seorang pemerintah yang zalim, Narakasura, yang telah membawa kesedihan dan malapetaka kepada rakyat beliau.

Pada dasarnya, ia menandakan sebagai kemenangan kuasa kebaikan atas kuasa kejahatan, cahaya ke atas kegelapan. Istilah Deepavali berasal daripada perkataan Sanskrit yang boleh diterjemahkan sebagai "baris lampu yang dinyalakan", ia juga digelar sebagai "**Pesta Cahaya**". Inilah sebabnya, semasa perayaan ini, kebanyakan kedai dan rumah akan menyalakan pelbagai bentuk lampu dari lampu minyak hingga lampu elektrik berwarna-warni. Kedai-kedai akan bersedia untuk menerima jumlah pelanggan yang ramai menjelang Deepavali, terutamanya di Little India, Brickfields. Kebiasaannya, barangan yang paling popular ialah pakaian baharu, saree, barangan keagamaan, gelang, barangan hiasan rumah, barang kemas dan rempah ratus.

Sambutan

Sambutan ini selalunya diiringi dengan lagu-lagu perayaan yang kuat (bersama dengan paluan gendang), persembahan tarian beserta dengan pertunjukan bunga api yang kuat. Bunyi kolektif yang dihasilkan bertujuan untuk menakutkan roh jahat dari mengganggu mereka.

Di rumah, pada awal pagi penganut Hindu akan mandi minyak yang diperbuat daripada campuran herba dan minyak kelapa. Upacara simbolik ini dilakukan agar dapat menyingkirkan kekotoran dan sifat jahat. Ia dipercayai akan membawa masuk kemakmuran dan kekayaan kepada seisi keluarga.

Sama seperti perayaan kaum Melayu dan Cina di Malaysia, kaum India mengambil peluang untuk membaik pulih sepenuhnya rumah mereka, bagi menyambut perayaan ini. Membeli pakaian dan barang baharu adalah cara yang biasa dilakukan. Musim ini juga digunakan untuk mengeratkan hubungan di antara keluarga dan rakan-rakan.

Apa erti perayaan di Malaysia tanpa makanan?

Anda boleh menjangkakan pelbagai hidangan yang sama seperti yang terdapat pada Hari Raya dan Tahun Baru Cina jika anda mengunjungi rumah rakan Hindu anda. Manisan walaupun boleh membawa kemudaratn, merupakan hidangan yang sangat menyelerakan. Anda akan dihidangkan dengan pelbagai makanan tradisional India seperti **Murukku, Achu Murukku (Kuih Ros), Athirasam, Omapodi, Laddu dan pelbagai lagi hidangan makanan kaum India.**

Tiada tarikh yang tetap bagi perayaan Deepavali, ia berubah-ubah di antara bulan Oktober dan November. Walaupun hanya pada hari pertama dianggap sebagai Cuti Umum di Malaysia, ia secara rasminya berlangsung selama lima hari, dengan kemuncak sambutan diadakan pada hari ketiga, apabila 'Lakshmi Puja' dipersembahkan. Dewi Lakshmi dipercayai memasuki rumah dan memberkati orang ramai dan disebabkan itu, anda boleh mendengar dentuman bunga api yang kuat dengan pelbagai warna pada hari itu.

Bagi kebanyakan penganut Hindu, mereka akan pergi menziarahi rumah ibu bapa mereka, yang mungkin terletak di pelbagai kawasan di seluruh Malaysia, anda boleh jangkakan kesesakan lalu lintas seperti yang anda hadapi dengan dua lagi cuti perayaan etnik utama di negara ini. Dan biasanya, kawasan yang mempunyai Kuil Hindu akan menjadi tumpuan utama. Batu Caves di Gombak, Selangor telah menjadi pusat sambutan Perayaan Deepavali di Malaysia.

Para penganut pada kebiasaannya akan melakukan perjalanan jauh ke kuil masing-masing dengan harapan untuk

mendapat restu daripada dewa mereka. Mereka tidak pergi dengan tangan kosong kerana mereka akan membawa bunga, hadiah, buah-buahan dan santan kelapa sebagai hadiah kepada dewa mereka.

Pesta Cahaya, merupakan salah satu perayaan yang paling meriah dalam kalendar budaya di Malaysia di mana penganut Hindu akan berpakaian baru cantik dan berwarna-warni. Oleh itu, jika anda bercadang untuk melawat rakan Hindu anda, ini adalah alasan terbaik untuk berpakaian seperti bintang Bollywood. Dan ingat, warna-warna terang sentiasa "bagus".

Apabila anda melawat rumah rakan-rakan anda, anda akan melihat pelbagai hiasan cahaya yang menghiasi rumah mereka semasa musim perayaan ini. Ini biasanya boleh dilihat di sekitar hadapan rumah serta lampu mini di bahagian dalam. Satu lagi hiasan wajib semasa perayaan Deepavali ialah Rangoli atau Kolam, dengan rekaan pelbagai bentuk dan corak yang akan menghiasi lantai rumah dengan menggunakan tepung beras berwarna atau beras. Pada zaman dahulu, motif dicipta menggunakan bijirin yang boleh dimakan oleh semut, burung, dan makhluk kecil lain. Ini selaras dengan kepercayaan Hindu, yang mahukan penganut mereka untuk bersikap baik dan murah hati kepada semua makhluk hidup, walau sekecil mana pun mereka. Kerumitan sesuatu reka bentuk menggambarkan bakat atau kekayaan sesebuah isi rumah. Secara simboliknya, Rangoli atau Kolam dibuat untuk menyambut Ma Lakshmi, Dewi Kekayaan.



Kesihatan Mental

Perhubungan

- ♥ Tekanan daripada ibu bapa yang tidak disengajakan
- ♥ Kanak-kanak lebih terdedah kepada pandangan dan nilai yang berlebihan serta bercanggah dan bukan kebiasaan
- ♥ Semakin ramai keluarga yang bermasalah akibat daripada perceraian dan penderaan
- ♥ Miskin atau tiada ikon yang berpengaruh dalam keluarga apabila dewasa
- ♥ Kanak-kanak membesar dengan terlalu dimanjakan oleh ibu bapa, memberikan mereka tanggapan pemikiran yang salah
- ♥ Apabila mereka semakin dewasa, orang muda mula menolak tanggungjawab menjadi orang dewasa
- ♥ Trend menyendiri kerana kurang selesa antara satu sama lain dan kurang bersosial
- ♥ Menjadi lebih agresif dan tidak berperikemanusiaan terhadap manusia dan menganggap manusia sebagai objek

Media

- ♥ Sindrom Skrin Elektronik disebabkan oleh pendedahan skrin terlalu lama pada peranti yang berbeza.
- ♥ Tertekan untuk memberikan yang terbaik kerana membandingkan dengan apa yang orang lain miliki
- ♥ Laporan dari media memberikan perbezaan pendapat, keluarga dan rakan
- ♥ Normalisasi peningkatan keganasan, kematian dan kemusnahan dalam permainan komputer
- ♥ Kandungan seksual yang tersedia di hujung jari
- ♥ Sindrom perbandingan akibat daripada perkongsian menerusi media sosial orang lain
- ♥ Pendapat dan polarisasi yang berlebihan dalam media

Hari Kesihatan Mental Sedunia adalah pada
10 Oktober 2022

Dijangka 13 peratus populasi dunia mengalami masalah kesihatan mental, dan angka tersebut kian meningkat.

Sukar untuk menentukan sumber atau punca yang tertentu, tetapi kajian telah membuktikan beberapa senarai punca yang dihadapi oleh semua seperti berikut. Tanpa mengikut susunan yang tertentu.

Jantina

- ♥ Jantina kini berada bergantung sepenuhnya kepada perasaan dan bukannya fakta atau sains
- ♥ Seks bukan lagi mengenai lelaki dan perempuan, malah sebagai istilah tukar ganti dan boleh digunakan untuk menggambarkan seseorang

Lain-lain

- ♥ Kurang tidur
- ♥ Tekanan kewangan kerana inflasi yang berlaku berada pada paras tertinggi setiap masa
- ♥ Kekurangan peluang pekerjaan
- ♥ Tahap penggunaan dan ketersediaan dadah pada para tertinggi setiap masa
- ♥ Kejadian yang berlaku di seluruh dunia seperti wabak, bencana alam dan peningkatan keganasan

Perkara utama yang perlu difahami adalah penyakit mental merupakan istilah yang sangat luas, dan tidak semua orang diagnosis dengan percubaan bunuh diri. Majoriti terbesar adalah yang paling sedikit dan peratusan yang kecil adalah tinggi sehingga membunuh diri.

Menerusi beberapa senarai personaliti yang telah menghidap lebih daripada satu penyakit atau diagnosis... realiti pahit bagi penyakit mental harus diambil perhatian.

Bahaya bagi seseorang yang sedang kecewa untuk dikelompokkan dalam sesebuah kumpulan, kerana kadangkala, gelaran itu seolah memberi pengesahan kepada "penyakit", dan oleh yang demikian ianya merupakan luar kawalan mereka. Keadaan ini akan menyusahkan, kerana realitinya semua orang pernah berasa sedih sebelum ini, dan ada sesetengah daripada kita yang bangkit... dan cuba mengatasinya. Semangat dan amalan seperti ini yang menjadikan kita lebih kuat.

Namun begitu, malang bagi sesetengah pihak ada daripada mereka yang mencari jalan mudah dan tidak mahu mencuba untuk menangani masalah atau halangan kecil dalam kehidupan mereka. Mereka lebih selesa untuk "sakit" dan mengambil ubat yang tidak perlu dan menjalani kehidupan yang tidak memuaskan serta tidak memenuhi potensi mereka.

Tapi adakah kita tahu yang kita sedang melalui kehidupan seperti normal, fasa yang singkat seperti yang orang lain lalui atau penyakit yang serius? Kuncinya adalah diagnosis. Tetapi janganlah pula terlibat dengan pengedaran dadah, sebaliknya kunjungi pusat profesional bereputasi baik dan memberi anda pendapat dan pandangan

yang jujur serta benar-benar ingin membantu. Di samping itu, semasa konsultasi, anda juga perlu jujur tentang keadaan diri anda dan memberikan jawapan yang tepat untuk menerima diagnosis yang betul. Elakkan daripada terlalu memainkan peranan "manga" dan menambah simptom.

S I M P T O M

Bagi kita yang tidak mengalami penyakit ini, kita boleh membantu rakan-rakan atau ahli keluarga kita yang mungkin melalui masa yang sukar. Antara simptom yang perlu diberi perhatian ialah:

- ◆ Kebimbangan dan rasa takut menjadi sebahagian daripada hidup mereka
- ◆ Sentiasa keliru dan tidak berupaya untuk fokus dan menumpukan perhatian
- ◆ Mempunyai fikiran untuk membunuh diri
- ◆ Perubahan mood yang berlebihan dari tinggi ke rendah
- ◆ Lebih suka menyendiri dan mengelak daripada orang ramai
- ◆ Isu imej diri yang tidak berdasarkan kepada realiti (sebagai contoh menganggap mereka kurus sedangkan mereka berbadan besar, dsb.)
- ◆ Ketidakupayaan untuk tidur
- ◆ Selalu letih
- ◆ Perubahan ketara dalam tabiat pemakanan, daripada makan dengan jumlah yang banyak kepada tidak makan langsung
- ◆ Sentiasa sedih dan kecewa
- ◆ Tidak berhubung dengan orang
- ◆ Pandangan berbeza tentang apa itu realiti, hingga ke tahap berkhayal dan halusinasi
- ◆ Gejala penyakit fizikal tetapi tiada sumber perubahan yang betul
- ◆ Kurang dorongan seks
- ◆ Mudah berasa jengkel
- ◆ Kesukaran untuk melakukan tugas asas harian
- ◆ Sentiasa marah tanpa sebab
- ◆ Terlalu bergantung kepada dadah atau alkohol
- ◆ Sangat mudah tertekan



Beberapa diagnosis yang didapati daripada mereka yang menghadapi krisis kesihatan mental adalah

gangguan kebimbangan gangguan depresi utama gangguan bipolar gangguan panik gangguan penyakit obsesif ompulsif (OCD) gangguan tekanan selepas trauma (PTSD) gangguan makan

Kajian turut telah menunjukkan bahawa kadar kemurungan telah meningkat **sebanyak 52% hingga 69%**. Individu yang terfikir untuk membunuh diri merekodkan **peningkatan sebanyak 47%**.

Bagaimanakah kita boleh membantu diri kita sendiri dan orang lain yang mungkin menghadapi krisis kesihatan mental ini? Terdapat banyak perkara yang boleh kita lakukan untuk mengelak atau keluar daripada keadaan ini. Tetapi kita perlu melakukan sesuatu, kerana ramai yang masih sama kerana mereka tidak cukup disiplin untuk mematuhi nasihat yang mudah.

1 Belajar untuk melepaskan

Kita sering biarkan pengalaman atau perasaan negatif dalam diri. Kita perlu **belajar untuk melepaskan**. Masa lampau adalah masa lalu, jangan biarkan ia mempengaruhi masa kini atau masa depan anda.



3 Ketawa

Menonton komedi atau siri kegemaran anda. Ketawa didapati dapat menaikkan semangat manusia dan mengurangkan kebimbangan.



2 Belajar untuk meningkatkan imej diri anda

Kebiasaannya, ramai yang berfikir atau merasakan orang lain memandang rendah kepada mereka. Tetapi hakikatnya, hanya mereka yang merasakannya, sedangkan orang lain memiliki pandangan dan pendapat yang neutral kepada mereka. Mereka mempunyai imej diri yang buruk dan percaya bahawa semua orang melihat mereka dengan cara yang sama.

Oleh itu, penyelesaian mudah adalah untuk keluar dari pembohongan tersebut, di mana ia hanya wujud dalam fikiran mereka sendiri. Perkara yang boleh dipraktikkan ialah dengan melakukan perkara yang benar-benar menunjukkan diri mereka itu bernilai. Cari aktiviti yang membuatkan mereka rasa lebih gembira tentang diri mereka sendiri, terutamanya aktiviti yang dapat mereka capai dengan baik atau dengan aktiviti yang mempunyai matlamat dalam pemikiran mereka.

Melakukan sesuatu perkara yang anda mahir akan meningkatkan imej diri anda.

4 Penjagaan diri

Seseorang manusia itu terdiri daripada badan dan minda, dan jika anda seorang yang beragama, unsur ketiga yang dipanggil sebagai roh sangat diperlukan. Fikiran dipengaruhi oleh badan dan roh. Jadi, dengan menjaga dan mempengaruhi badan dan semangat anda, ia sekaligus akan membantu mental anda juga. Bagi anggota badan, kita boleh makan dengan baik, minum air dan dapatkan tidur yang mencukupi, dan bersenam. Terbukti juga bahawa suhu terbaik untuk tidur adalah di antara 15 ke 18 darjah Celsius, jadi turunkan suhu.

Elakkan tabiat berbahaya seperti dadah, merokok dan minum alkohol.

Dari segi rohani, ada yang memperoleh manfaat dalam perubatan, manakala perbezaan agama mempunyai cara yang tersendiri untuk menunjukkan keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan mereka. Ini dapat membantu seseorang individu untuk mengalihkan pandangannya terhadap diri sendiri kepada mendekatkan diri dengan keimanan kepada Tuhan.

5 Berehat dari media sosial

Ianya telah terbukti bahawa **media sosial** merupakan salah satu punca kepada kemerosotan kesihatan mental. Keinginan untuk menjadi dan memiliki sesuatu seperti orang lain serta mula membandingkan diri dengan orang lain boleh membawa kepada kemurungan. Oleh itu, berehat... berehat dari media sosial.



11 Rancang untuk rehat

Percutian yang singkat ataupun lama dapat membantu memulihkan tenaga dan melepaskan diri dari hiruk-piruk kehidupan. Pada awalnya kita juga dapat menambah keceriaan pada hari-hari yang kita lalui. Perkara yang ringkas dan mudah seperti memberi ganjaran kepada diri anda dengan aiskrim untuk menyelesaikan tugas akan mengembirakan hari anda.

6 Menyokong dan memahami keluarga dan rakan-rakan

Manusia tidak dicipta untuk bersendirian. Oleh itu, sekumpulan manusia yang boleh memberikan sokongan adalah sangat penting. **Mengukuhkan hubungan interpersonal** akan membantu anda untuk keluar dari keadaan kesihatan mental yang tidak stabil.

8 Membantu orang lain yang memerlukan

Jika anda dapat memberikan bantuan atau perkhidmatan kepada orang lain yang memerlukan, ia juga dapat membantu untuk mengubah perspektif pemikiran anda daripada menganggap diri anda tidak berharga kepada bernilai kepada orang lain dan masyarakat.

9 Menetapkan matlamat

Menetapkan matlamat dapat membantu seseorang menggambarkan sasaran untuk dicapai. Kejelasan adalah sangat penting jadi pastikan matlamat anda mudah. Sebaik sahaja matlamat ditetapkan, ia tidak seharusnya memberi tekanan kepada seseorang individu itu untuk mencapainya. Matlamat boleh diubah mengikut kesesuaian seseorang itu. Ingatlah untuk bersikap realistik bagi memastikan anda tidak tertekan.

10 Dapatkan haiwan peliharaan

Sesetengah haiwan peliharaan dapat membantu menenangkan saraf, terutamanya anjing dan kucing. Anda boleh memiliki salah satu daripada haiwan ini. Tetapi perlu diketahui bahawa sekiranya berlaku sesuatu kepada haiwan kesayangan anda... ia boleh menyebabkan anda putus asa.

7 Kaedah baru untuk menangani tekanan

Dunia penuh dengan tekanan, oleh itu belajarlah untuk menanganinya. Tidak semua perkara sesuai dengan semua individu, jadi tidak ada satu penyelesaian untuk semua. **Bermeditasi, berjalan, mendaki, menonton filem dan yoga** merupakan salah satu cara untuk menanganinya. Terokai perkara yang sesuai dengan diri anda.



12 Bersyukurlah

Sebenarnya kita berada dalam keadaan yang lebih baik berbanding orang lain di dunia, dan kita perlu mengambil fakta mudah ini dan belajar untuk bersyukur. Buat senarai harian tentang perkara yang patut kita bersyukur dan lihat bagaimana anda pemikiran anda mula pulih. Belajar untuk terus maju dalam perkara yang mudah kerana sebanyak mana wang dan kejayaan seseorang itu miliki, ianya tidak akan dapat menggantikan kesihatan anda atau hubungan baik anda dengan keluarga dan rakan-rakan.





Bercuti Sambil Menikmati
Hidangan Enak Di

SCAPES
HOTEL | GENTING HIGHLANDS

SCAPES Hotel merupakan salah satu cabang perniagaan yang baru bagi LBS meneroka ke sektor yang berbeza dengan industri pembinaan rumah. Industri perhotelan ini boleh dijadikan satu batu loncatan kepada perkara yang lebih besar. Setelah membuat liputan awal dalam keluaran The Journey sebelum ini, edisi kali ini memaparkan Chef Ashar Daud di mana penulis mengambil peluang untuk mencuba beberapa jenis masakan beliau. Hotel ini masih berada dalam keadaan yang sangat baik, bersih sama seperti kali pertama penulis berkunjung hampir setahun yang lalu. Ini adalah bukti betapa profesionalnya Hotel ini diuruskan, syabas kepada pengurusan dan pasukan operasi SCAPES Hotel.

Chef Ashar Daud merupakan orang lama dalam industri ini, terkenal dengan kepakarannya dalam masakan tempatan dan juga masakan antarabangsa. Kami di sini untuk mencuba tawaran istimewa yang akan ditawarkan pada suku terakhir 2022.

“Ikan diperap dengan sedikit bahan perasa dan kemudian digoreng hingga berwarna keemasan, menyerlahkan rasa manis semulajadi ikan.

Oktober

Bermula daripada 3hb sehingga 31hb Oktober 2022, setiap hari dari jam 12 tengah hari hingga 10.30 malam, terdapat pilihan antara **Set Ayam Kampung** ataupun **Set Siakap Goreng**, bagi mereka yang mencintai masakan asli Malaysia. Satu nota tambahan ialah ikan dalam gambar di sini lebih besar berbanding dengan apa yang akan dihidangkan pada Oktober 2022 kelak. Disebabkan kekurangan saiz ikan dengan berat 500g-600g pada hari tersebut; kami telah dihidangkan dengan seekor ikan dengan berat sekitar 700g.

Ikan diperap dengan sedikit bahan perasa dan kemudian digoreng hingga berwarna keemasan, menyerlahkan rasa manis semulajadi ikan. Bagi mereka yang meminati hidangan ikan akan dapat menikmati setiap bahagian, kerana setiap bahagian digoreng hingga garing dan rangup.

Ikan Siakap disertakan dengan semangkuk nasi, sos manis, masin dan pedas yang apabila digaul bersama nasi dan ikan akan memberikan rasa yang sungguh lazat. Bagi yang suka dengan rasa pedas, terdapat sambal pedas yang akan dapat memenuhi citarasa anda.

Selain itu Set Ayam Kampung juga merupakan hidangan istimewa pada bulan Oktober ini, dari segi penyediaan dan perasanya sama dengan Set Siakap Goreng, cuma bezanya di sini adalah pilihan proteinnya iaitu setengah ekor ayam kampung. Ia juga diperap dengan cara yang sama, digoreng, meninggalkan kilauan keemasan pada kulit yang rangup. Ayam kampung ini sangat lazat, menunjukkan bahawa ia telah digoreng dengan sangat berhati-hati. Ini juga merupakan hidangan yang sangat mengenyangkan, ianya bergantung kepada pilihan anda sama ada ayam atau ikan.

Secara keseluruhannya, protein dimasak dengan sempurna dan salah satu daripada hidangan ini akan memuaskan keinginan anda untuk menikmati hidangan tempatan yang enak. Penulis memilih untuk memberi ikan Siakap kelebihan kerana rasa tambahan dari sirip, tulang, kepala dan isi yang rangup.



November

Beralih kepada bulan November, hidangan Rasa **Nasi Kandar**, yang akan disediakan dari 1hb hingga 30hb November 2022, setiap hari bermula daripada jam 12 tengah hari sehingga ke 10.30 malam. Ia juga merupakan salah satu hidangan kegemaran ramai di Malaysia. Pada zaman dahulu, peniaga akan menyediakan barangan jualan mereka agar mudah untuk dibawa, perkara sama dilakukan oleh peniaga makanan. Mereka perlu membawa barangan mereka sendiri, dan ia perlu mudah dibawa. Ini bermakna semasa menjual Nasi Kandar mereka perlu praktikal dengan apa yang boleh dibawa bersama. Hidangan itu terdiri daripada nasi, ayam goreng, kari ikan Tenggiri, telur rebus, papadom, bendi dan sebiji cili hijau.

Tiada apa yang dapat dibandingkan dengan hidangan ini, dan hidangan Rasa Nasi Kandar ini bertepatan dengan kegemaran ramai. Kari ikan Tenggiri mengingatkan saya tentang kari yang pernah saya rasai dengan hidangan Roti Canai ketika zaman kanak-kanak. Sedap dan lazat dengan hirisan ikan Tenggiri. Ikan segar yang dimasak dapat menyerap semua rasa dalam masakan kari. Walaupun hanya sesuap nasi berlauk kari dan sesuap cili hijau itu, ia sungguh mengenyangkan. Rasanya organik, semulajadi dan sihat. Setiap nasi kandar tidak lengkap dengan sepotong ayam goreng, yang rangup dan penuh dengan rasa memberikan kenikmatan Nasi Kandar.

Tiada apa yang dapat dibandingkan dengan hidangan ini, dan hidangan Rasa Nasi Kandar ini bertepatan dengan kegemaran ramai.





December Special

Bagi bulan Disember, terdapat tiga hidangan istimewa, iaitu **Maggie Udang Galah, Set bawa pulang Ambang Krismas (Set untuk 10 bahagian kaki Ayam Panggang atau Kambing), dan Makan Malam Bufet Ambang Tahun Baru.** Penulis hanya mencuba Maggie Udang Galah kerana hidangan istimewa lain terlalu banyak untuk dimakan seorang.

Maggie Udang Galah merupakan hidangan mewah SCAPES Hotel untuk semua rakyat Malaysia yang boleh didapati bermula daripada 1hb hingga 31hb Disember 2022, setiap hari 12 tengah hari hingga 10.30 malam. Hidangan ini disediakan dengan cara kami yang tersendiri dengan pelbagai bahan kegemaran yang diadun bersama hidangan. Secara visualnya, Maggie Udang Galah ini tertumpu kepada pilihan sayur-sayuran cincang, bersama dengan mee dan supnya.

Hidangan mee saya dimasak dengan sempurna 'al dente' meninggalkan sedikit rasa pejal untuk dikunyah. Perasa yang digunakan adalah serbuk perasa Maggie biasa. Sayur-sayuran ditambah bagi menambah kerangupan dan merupakan tambahan yang bagus untuk rempah dalam sup. Udang Galah adalah kegembiraan untuk dimakan, memberikan rasa udang segar yang tipikal dalam hidangan tersebut. Jika anda ingin belanja diri sendiri, ini adalah salah satu cara yang menarik.

Set bawa pulang Ambang Krismas (Ditetapkan untuk 10 bahagian Ayam Bakar ataupun Kambing), ia merupakan gabungan daging, kentang, sayur-sayuran dan sos, untuk 10 pax manakala Makan Malam Bufet Ambang Tahun Baru adalah pilihan hirisan daging lembu, ayam, ikan, udang, kentang, dan sayur-sayuran terpilih. Set bungkus Ambang Krismas boleh didapati dari 19 Disember hingga 1 Januari 2023, manakala Bufet Makan Malam Ambang Tahun Baru akan tersedia pada 31 Disember 2022.

Dan akhir sekali, untuk bulan Oktober hingga Disember, SCAPES Hotel menyediakan Snek Petang Berperingkat. Ini adalah hidangan tiga peringkat yang terdiri daripada sandwich kecil dan croissant, buah-buahan, kuih Malaysia dan kek.

Bercutilah ke SCAPES Hotel, kerana anda bukan sahaja bercuti dengan cuaca yang sejuk tetapi juga akan disajikan hidangan lazat yang disediakan oleh Chef Ashar ini. Dan sekiranya anda tidak berminat dengan mana-mana tawaran istimewa ini, menu a la carte juga disediakan. Kami akan memberikan ulasan ringkas mengenai perkara ini dalam keluaran seterusnya.



Bagaimana untuk membeli-belah untuk

HADIAH KRISMAS



Perayaan Krismas semakin menghampiri dan jika anda menghadapi masalah untuk mendapatkan hadiah sesuai untuk orang tersayang atau untuk pesta Krismas di pejabat... teruskan membaca.

Sejujurnya, untuk mendapatkan hadiah boleh menjadi satu proses yang sukar, kerana anda pasti telah menerima hadiah yang anda tahu pemberi tidak berusaha untuk melakukannya dan pastinya tidak kena dengan cita rasa anda. Anda tahu bahawa anda tidak mahu menjadi pemberi seperti itu. Sekurang-kurangnya, ia harus menjadi pengalaman yang baik untuk penerima hadiah anda. Jadi berikut adalah beberapa petua untuk mendapatkan hadiah yang bagus dan hebat untuk seseorang. Dan perlu diingatkan, lebih penting kedudukan orang tersebut di dalam hidup kita, maka lebih istimewa pemilihan hadiah tersebut.



Kenali penerima hadiah

Adalah penting untuk mengetahui hobi atau minat seseorang itu. Tiada yang lebih buruk daripada memberi hadiah yang tidak sesuai kepada seseorang. Contohnya, jika dia peminat Manchester United dan anda memberi 'mug' Arsenal. Jadi luangkan sedikit masa dengan penerima hadiah anda dan ketahui apa yang disukai atau tidak. Tanya rakan dan ahli keluarga tentang perkara kegemarannya, atau pengalaman yang bermakna dalam kehidupannya. Sebagai contoh, jika dia gemar memancing kerana dia selalu pergi bersama arwah bapanya, apa-apa yang berkaitan dengan peralatan memancing adalah pertaruhan yang baik untuk dijadikan hadiah. Mengenali orang itu dengan lebih dekat merupakan cara terbaik untuk memulakan senarai beli-belah anda dan sebaik sahaja anda memikirkan beberapa barangan, anda boleh mula membeli-belah serta merta.



Persiapan awal

Sudah tentu kita semua tahu bila perayaan Krismas tiba oleh itu tiada alasan untuk membeli-belah pada saat terakhir untuk hadiah yang tidak bermakna. Jika anda sudah mengenalpasti barangan kesukaan orang tersebut, anda boleh mula membeli-belah sekarang. Walaupun terdapat kemungkinan bahawa dengan membeli-belah terlalu awal, anda akan terlepas diskaun pada jualan Krismas, terdapat juga peluang yang baik bahawa barangan yang anda lihat mungkin kehabisan stok, atau tertangguh dalam penghantaran kerana hampir 99 % manusia membeli-belah secara tergesa-gesa di sepanjang masa.

Beli-belah

Terdapat banyak pilihan kedai baik secara fizikal atau online untuk anda membeli belah. Kebanyakan kedai fizikal atau online mempunyai jualan sepanjang tahun. Jadi perhatikan barangan yang telah anda pilih daripada jualan ini. Anda boleh duduk di hadapan komputer dan menelitinya.



Jangan Kedekut

Perkara yang lebih buruk seterusnya daripada hadiah yang tidak difikirkan adalah hadiah yang murah. Ada beberapa hadiah murah boleh menjadi sangat bermakna, tetapi perkara utamanya ialah, jangan kedekut. Bayangkan anda menerima hadiah murah, ianya pasti bukan pengalaman yang menyenangkan. Hadiah bukan hanya sesuatu yang anda berikan kepada seseorang; ia juga mewakili siapa anda. Ia adalah satu perkara yang baik untuk membina hubungan serta orang itu akan mengingat anda di atas pemberian hadiah hebat tersebut.



Mempunyai pelan sandaran

Kadang-kadang, walaupun dengan perancangan lanjutan, perkara tidak menjadi. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, barang tersebut mungkin kehabisan stok atau terdapat kelewatan atau hilang semasa transit. Rancang pelan B. Ini boleh menjadi kedai alternatif tempat barangan itu boleh ditemui, atau produk serupa yang boleh anda akses dengan mudah. Dalam situasi seperti ini, adalah lebih baik untuk mengenal pasti kedai fizikal yang anda boleh pergi secara peribadi dan membuat pembelian dengan segera. Pelan B juga boleh menjadi barangan alternatif yang tidak tepat seperti barangan asal yang dirancang.



8 Idea hadiah



Penyesuaian

6

Penyesuaian ialah cara terbaik untuk menjadikan hadiah bersifat peribadi. Terdapat banyak cara untuk menyesuaikan hadiah. Mengukir teks atau perkataan yang diperibadikan merupakan cara terbaik untuk dilakukan. Sesetengah kedai menawarkan cetakan diperibadikan pada kemeja-T atau bahan kain. Senarai kemungkinan tidak berkesudahan. Penyesuaian merupakan krim aising pada kek hadiah yang baik.



Tiada penyesalan

7

Mungkin ada kalanya selepas anda membeli hadiah itu, anda melihat ianya dijual lebih murah pada tempoh jualan. Anda mempunyai dua pilihan... A) menyesal kerana anda membelinya lebih awal atau B) membeli satu lagi sebagai Pelan B untuk orang lain. Maksudnya, jangan buang masa anda dengan penyesalan. Teruskan.

Setiap orang berbeza dan akan menghargai perkara yang berbeza. Secara umum terdapat tiga kumpulan manusia yang perlu diambil kira kehendaknya semasa membeli hadiah. Kumpulan pertama ialah mereka yang mengiklankan perkara yang mereka suka atau sokong, seperti pasukan bola sepak, pasukan F1, personaliti sukan dan sukan yang mereka ikuti, aktiviti yang selalu mereka lakukan seperti mendaki atau berkhemah, dsb. Bagi mereka ini, bahagian yang sukar untuk mendapatkan hadiah ialah dengan memastikan mereka belum mempunyai apa yang anda rancang untuk mendapatkannya, kerana sebagai peminat dan peminat tegar... mereka mungkin sudah mempunyai koleksi barangan tersebut. Jadi, beberapa soalan halus semasa perbualan, atau lawatan ke rumah mereka mungkin sesuai jika anda boleh melakukannya. Sebagai alternatif, anda boleh mengetahui hadiah yang bersesuaian jika anda berpeluang bercakap dengan ahli keluarga atau rakan rapat mereka.

Terdapat juga kedai yang menjual hadiah atau memorabilia versi autograf peribadi. Ini pastinya menelan kos yang lebih mahal, tetapi berhati-hati dengan barang tiruan atau palsu. Idea umum adalah... jika ia adalah baju-T Led Zeppelin yang ditandatangani dengan harga RM30 di Lazada atau Shopee... kemungkinan besar ianya tidak tulen dan bukan secara fizikal ditandatangani oleh kumpulan itu, tetapi versi bercetaknya. Memorabilia tulen perlu dibeli daripada kedai atau penjual terkemuka dan biasanya disertakan dengan sijil ketulenan. Pada hari ini, proses membeli-belah dalam talian telah ditambah baik oleh itu lebih mudah untuk mendapatkannya. Walau apa pun, bagi kumpulan orang yang mengikuti sukan atau hobi arus perdana ini, terdapat pilihan yang luas untuk hadiah, kerana ia merupakan trend terkini.

Kumpulan orang kedua juga mempunyai minat dan hobi, tetapi ini lebih kabur dan kurang popular. Salah satu yang paling pelik ialah... mengumpul pisau. Anda perlu bekerja lebih keras untuk mendapatkan hadiah yang sesuai untuk kumpulan orang ini. Untuk melakukan ini dengan betul, kunci utamanya ialah mengetahui perkara yang mereka minati.

Berita baiknya ialah, hanya menaip pada papan kekunci, ianya akan menunjukkan anda ke arah yang betul. Oleh kerana hari ini proses berhubung sangat mudah dengan 'World-Wide-Web', dan media sosial telah menjadi cara terbaik untuk semua orang berkongsi minat mereka, sehingga anda boleh mendapatkan apa sahaja yang diinginkan. Ingatlah, semakin mengaburkan minat atau hobi, semakin kurang pilihan anda untuk memilih hadiah. Oleh itu, jika sesuatu yang sesuai muncul, pertimbangkan untuk membuat pembelian segera.

Kumpulan ketiga terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai minat atau hobi yang pasti. Di situ, anda boleh mendapatkan apa sahaja untuk mereka dan ia bukan pilihan yang salah. Sebaliknya, anda mahu mereka menikmati hadiah anda dan mungkin juga menggunakannya. Cara yang pasti untuk melakukannya dengan betul adalah dengan menyarankan kepada barangan yang praktikal. Peralatan dapur, sebarang alat atau barang pembaikan rumah, malah barangan hiasan yang sesuai dengan rumah yang mereka diami. Ini termasuk bantal, kusyen, lukisan, jam, perabot, dan sebagainya.



Pemikiran akhir tentang ini:

Jika anda mendapatkan pakaian atau kasut, apa sahaja yang mereka pakai... pastikan anda mendapat saiz yang betul.

Semak polisi pemulangan atau bayaran balik dalam bentuk kad hadiah.

Sentiasa simpan resit sekiranya barang tersebut rosak atau perlu ditukar dengan yang lain.

Jika barang hadiah ingin dihantar, sila hantarkannya lebih awal untuk mengelakkan penghantaran saat akhir secara tergesa-gesa pada musim perayaan Krismas.

Selamat berbelanja!



How to shop for that
**CHRISTMAS
GIFT**



Projek

Puchong, Selangor

LBS SKYLAKE

RESIDENCE @ PUCHONG

Sebagai satu-satunya bangunan tinggi di kawasan ini, ianya kelihatan tersergam megah berbanding yang lain. LBS SkyLake Residence dibina di atas kawasan kejiranan yang mantap dengan kemudahan yang terletak berhampiran. Ia juga merupakan kondominium yang kelihatan paling moden di kawasan itu, menjulang tinggi berwarna putih dan biru. Projek yang baru siap ini terletak di Puchong, Selangor di atas tanah seluas 5.079 ekar dan merupakan salah satu perbandaran pesat dan terbesar di Lembah Klang.

Bangunan dua tingkat yang bersebelahan di antara satu sama lain menyediakan sejumlah 746 unit dengan saiz antara 545 hingga 1063 kaki persegi. Oleh itu, LBS SkyLake Residence adalah satu-satunya pilihan bagi mereka yang mencari tempat dengan suasana dan gaya hidup terkini bagi golongan dewasa muda dan keluarga muda. Sasaran pasaran terdiri daripada mereka yang berumur dari 25 hingga 40 tahun dan berpendapatan sederhana hingga pertengahan.



Dengan satu sisi pembangunan yang menghadap ke kawasan tasik yang luas, ia direka bentuk dengan penataan landskap untuk pemilik rumah menikmati alam semula jadi, sambil dikelilingi oleh kemudahan moden yang memupuk kesejahteraan dan ikatan dalam keluarga. Oleh itu konsep "Nature and Nurture, Created in Perfect Harmony" adalah konsep yang sesuai untuk LBS SkyLake Residence. Landskap di pembangunan ini menambah keindahan pemandangan tepi tasik yang luas dan kehijauan yang subur dengan ciri-ciri zen di dalamnya. LBS SkyLake Residence dipenuhi dengan pilihan kawasan dan sudut yang membolehkan penduduk menikmati detik-detik ketenangan tanpa stress.

Berdekatan dengan institusi pendidikan

Sebagai pilihan terbaharu dan paling menarik di kawasan yang maju, ia berdekatan dengan banyak institusi pendidikan dan pusat beli-belah yang terkenal seperti, Kolej Antarabangsa RIMA, SMK Putra Perdana, SK Taman Putra Perdana 2, IOI Mall Puchong, Giant Hypermarket Bandar Puteri, Lotus's Bandar Bukit Puchong and Columbia Asia Puchong.





Terdapat lebih daripada 70 kemudahan

Terdapat lebih daripada 70 kemudahan tersedia di tingkat 7 podium untuk dinikmati oleh residen di LBS SkyLake Residence. Ini termasuk taman poket di tingkat masing-masing, gimnasium, laman tinjau, ruang permainan dalaman – ping pong, teng-teng, kolam hoki air dengan taman pancuran air, jakuzi, taman-taman permainan untuk kanak-kanak, laman BBQ dan taman bumbung.



Landskap di tingkat 7 agak luar dari kebiasaan dengan kemudahan pod-pod dan kawasan untuk aktiviti yang berbeza, malah kemudahan kolamnya mempunyai peralatan senaman akuatik di satu sudut dan jakuzi di sudut lain. Kolam kanak-kanak pula didominasi oleh struktur permainan untuk diterokai. Ia datang dengan pelbagai ciri seperti air terjun yang mengalir dan baldi besar yang diisi secara automatik dan kemudiannya mengeluarkan percikan air penuh di kawasan tersebut.





Akses mudah

Kebolehcapaian adalah mudah dengan akses ke lebuh raya ELITE, lebuh raya LDP dan Lingkaran Putrajaya. Sebagai pembangunan berpagar dan berkawal lengkap dengan sistem keselamatan 3 peringkat dan CCTV, kawasan ini juga terdapat butang panik di banyak lokasi sekiranya penduduk mengalami sebarang kecemasan.

Pemandangan dari Gim

Disiapkan pada Jun 2022, dengan ramai penduduk yang memuktamadkan pengubahsuaian peribadi mereka, LBS SkyLake Residence menyediakan pemandangan indah tasik yang paling cantik jika dilihat dari Taman Atas Bumbung, dan tentunya ia harus dilihat untuk dipercayai. Gim ini dipenuhi dengan semua peralatan yang diperlukan dan dilengkapi dengan barisan 'treadmill' yang menghadap ke tasik yang indah. Pemandangan juga dikongsi oleh bilik Yoga yang dilengkapi dengan bola senaman dan tikar 'mat'. Bersebelahan bilik ini merupakan bilik seni mempertahankan diri, di mana anda boleh memukul dan menendang beg tebusan sambil menikmati pemandangan hebat yang sama dari latar langit.



Residensi Bintang Bukit Jalil terletak di kawasan yang strategik di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Dibina di kawasan yang kejiranan yang bagus, ia terletak di atas tanah seluas 5.47 ekar di kawasan kejiranan mewah Bukit Jalil.

Projek kondominium eksklusif ini mempunyai dua menara, Menara Utara dengan 47 tingkat dan Menara Selatan sebanyak 50 tingkat. Secara keseluruhan, hanya 1,342 unit dibina dengan saiz setiap unit di antara 802 kaki persegi sehingga 2,259 kaki persegi. Demografi untuk bakal pembeli datangnya daripada pembeli rumah kali pertama yang berumur daripada 25 hingga 40 tahun dengan berpendapatan sederhana hingga sederhana tinggi, dan sebahagian dari mereka yang ingin menaik taraf daripada rumah yang sedia ada.

BY LBS

RESIDENSI
BINTANG
BUKIT JALIL

Lakaran Artis

Residensi Bintang Bukit Jalil terletak di kawasan berbukit yang menarik dan unik. Projek ini dibina dengan konsep yang mengekalkan bentuk muka bumi semula jadi dan binaan kondominium ini menjadikannya pembangunan kediaman dengan kedudukan tertinggi di Bukit Jalil, membolehkan penduduknya menikmati pemandangan indah di seluruh kawasan Bukit Jalil.




TYPE A 802 sq ft



2 Bedroom + 2 Bathroom



TYPE B 1,009 sq ft



3 Bedroom + 2 Bathroom



Ruang dimanfaatkan sepenuhnya secara kreatif, pemaju mereka bentuk Residensi Bintang Bukit Jalil dengan memfokuskan keindahan semula jadi tanah dengan mencipta konsep taman bertingkat yang merangkumi taman atas bumbung yang indah dan beberapa dek ketenangan yang didirikan pada setiap tingkat kondominium – dengan ruang yang luas di setiap unitnya. Ia turut direka untuk memberikan rasa ketenangan kepada pemilik rumah.

Residensi Bintang Bukit Jalil juga menawarkan pembeli rumah beberapa susun atur unik yang sesuai mengikut keluarga pembeli. Mereka bukan sahaja akan dimanjakan dengan pelbagai pilihan fasiliti yang direka malahan akan turut membantu mereka menikmati kehidupan holistik melalui pelbagai kemudahan riadah dan rekreasi yang disediakan. Ini dapat menggalakkan gaya kehidupan yang lebih aktif dan melibatkan alam semula jadi. Dan semuanya ini terletak di dalam kepompong residensi utama - suatu perkara yang belum pernah dilihat oleh pemaju kediaman bertingkat lain di Bukit Jalil. Ia memberikan pemandangan banjaran gunung Titiwangsa yang jelas serta padang golf yang terletak indah bagi unit tertentu di Residensi Bintang Bukit Jalil.

Dengan lebih **90 kemudahan** yang tersedia di lokasi, terdapat pelbagai kemudahan yang dapat dipenuhi bagi semua pengguna. Antaranya termasuk Ruang Pemerhatian Bintang, Pavilion Pokok Bintang, Gimnasium & Gimnasium Dalam Air, Bilik Teater, Bilik Permainan Dalam, Ruang Bacaan, Taman Permainan, Kolam Infiniti, dan Taman Buai serta Yoga.



Artist's Impression

Bukan sekadar “rupa cantik”, Residensi Bintang Bukit Jalil dibina dengan mengutamakan kelestarian. Bukan sahaja menawan, pembangunan ini dibina dengan bahan yang mudah diselenggara sebagai reka bentuk fasad bagi membantu dalam proses penyelenggaraan. Bahan seperti sirip aluminium direka bentuk sebagai peranti teduhan matahari untuk memantulkan cahaya matahari - memberikan persekitaran hidup yang sejuk dalam iklim tropika kita. Panel berlubang juga digunakan sebagai reka bentuk muka depan untuk aras podium tempat letak kereta supaya tempat letak kereta menerima ventilasi secara semula jadi sambil membenarkan lebih banyak cahaya semula jadi masuk ke ruang tersebut. Selain itu, terdapat sistem pengumpulan air hujan yang digunakan semula untuk tujuan pengairan landskap.

Dengan memberikan penampilan ‘avant-garde’, ciri-ciri ini juga akan memastikan Residensi Bintang Bukit Jalil kekal relevan di masa akan datang, seterusnya mengekalkan kerelevanan sepanjang hayatnya

sebagai harta yang diingini, dan ia boleh menjadi milik anda dengan harga bermula daripada RM693,000.

Kawasan ini telah dibangunkan sepenuhnya dan mempunyai permintaan ramai, dengan kemudahan tempoh pindah masuk untuk menjadikannya sebagai rumah impian anda. Segala yang diperlukan berada di dalam jarak yang berdekatan. Terdapat banyak pusat pendidikan dan kemudahan yang bagus di dalam radius 10km. Ini termasuk sekolah antarabangsa Tzu Chi (50m), Pavilion Bukit Jalil (2km), SJKC Lai Meng (3km), SK Bukit Jalil (4.6km), Paradigm Garden City Mall (6.5km), Kelab Golf & Desa Bukit Jalil (4km), Kelab Golf Kinrara (6km), Taman Rekreasi Bukit Jalil (3.5km), Universiti Perubatan Antarabangsa (5km), Stadium Nasional Bukit Jalil (4.5km), Universiti Asia Pasifik (7km) dan stesen LRT Alam Sutera dan Awan Besar. Pavilion Bukit Jalil yang baru dibuka juga terletak hanya 2km dari projek ini, dan ianya merupakan kawasan tumpuan baharu di sini.



Lakaran Artis

Sebagai sebuah kejiranan yang terkenal dan matang, Bukit Jalil dikelilingi oleh pelbagai kemudahan dengan akses yang sangat baik ke kawasan bandar utama lain seperti Petaling Jaya, Subang, Damansara, Pusat Bandar Kuala Lumpur dan Shah Alam. Ketersambungan adalah kunci kejayaan dan kepentingannya dalam pasaran hartanah Malaysia.

Terletak berhampiran dengan lima lebuh raya utama dan stesen LRT seperti Lebuh raya Bukit Jalil, Lebuh raya Damansara-Puchong (LDP), Lebuh raya Maju (MEX), Lebuh raya Shah Alam (KESAS), Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban and Alam Sutera and Stesen LRT Awan Besar, Residensi Bintang Bukit Jalil terletak di lokasi yang strategik bagi pembelinya.

Kondominium ini, lengkap dengan sistem keselamatan 3 peringkat, CCTV dan pengawal keselamatan akan siap dibina sepenuhnya menjelang 2023. Bukan mudah untuk memiliki hartanah sebegini, dan semuanya boleh didapati di Residensi Bintang Bukit Jalil.

Jika anda sedang mencari rumah untuk dijadikan yang dibina dengan mengekalkan persekitaran semula jadi dan mengutamakan kelestarian, jawapannya tidak lain dan tidak bukan - Residensi Bintang Bukit Jalil. Ditambah lagi dengan akses yang sangat baik dan terletak di kawasan kejiranan yang utama dan mantap, jangan lepaskan peluang untuk memiliki unit anda sendiri. Ingat, peluang untuk memiliki hartanah sebegini jarang sekali berada di pasaran; rebutlah peluang untuk memiliki Residensi Bintang Bukit Jalil.

kita SEJATI

KITA Sejati merupakan projek baharu yang merupakan sebahagian daripada perbandaran KITA @ Cybersouth, di Dengkil, Selangor. Terletak di atas tanah rizab Melayu seluas 6.8 ekar, KITA Sejati direka bentuk sebagai konfigurasi dua blok pangsapuri servis 24 tingkat, terdiri daripada sejumlah 1,054 unit.

Terdapat dua variasi reka bentuk dan saiz, Jenis A (602 kaki persegi) dengan harga bermula daripada RM270,000 and Jenis B (850 kaki persegi) dengan harga bermula RM389,900. Dibina di atas Tanah Rizab Melayu, ianya bersesuaian dengan pasaran Melayu, dengan demografik dari umur 25 hingga 40 tahun. KITA Sejati ideal bagi pembeli rumah kali pertama, dengan pendapatan pertengahan dan pasangan muda yang baru memulakan keluarga. Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan KITA Sejati memenuhi keperluan keluarga kecil atau pasangan muda berdasarkan reka bentuknya yang praktikal dan sesuai.



Pelan Unit





Ianya turut direka dengan mengambil kira kemudahan kekeluargaan seperti gimnasium dalaman, kolam renang, taman permainan, ruang BBQ dan lapangan Futsal. Adalah sesuatu yang membahagiakan apabila melihat seluruh ahli keluarga meluangkan masa bersama dan menjalankan aktiviti-aktiviti sihat ini. Dari segi keselamatan, ianya dilengkapi kemudahan berpagar dan berpengawal dengan binaan CCTV di pondok pengawal.

KITA Sejati merupakan projek bangunan bertingkat ketiga LBS di perbandaran KITA yang luas. Selaras dengan keluasan perbandaran itu, KITA Sejati menawarkan pilihan kediaman yang mampu milik dan residensi pilihan yang berkualiti, sesuai dengan keadaan persekitarannya.

Dari segi lokasi, perbandaran KITA terletak di kawasan membangun Selatan Lembah Klang serta berhampiran dengan kawasan-kawasan utama termasuk Cyberjaya dan bandar Dengkil, UiTM kampus Dengkil, Universiti Heriot-Watt Malaysia, SMK dan SK Dengkil, Pusat Membeli belah D'Pulze, Tamarind Square dan Hospital Putrajaya yang kesemuanya terletak di dalam radius 10km. Kawasan ini juga berhampiran dengan KLIA, yang hanya memerlukan kira-kira 25km pemanduan sahaja.

Dengan pembangunan berhampiran yang sedang berjalan, KITA Sejati mudah diakses melalui Putrajaya-Cyberjaya Expressway, Maju Expressway (MEX), Lebuh raya Utara Selatan, Lembah Klang Selatan Expressway (SKVE), dan Lebuh raya Damansara-Puchong (LDP).



Secara keseluruhannya, KITA Sejati di perbandaran KITA merupakan satu tawaran yang tidak wajar dilepaskan kerana semua ciri-ciri berikut baik dari segi harga, kualiti, kemudahan, keselamatan, lokasi dan akses, semuanya ada di sini.



LBS Aktiviti



4 Julai 2022

Kempen Cabutan Bertuah LBS Fabulous Extra 2022-23

Selepas kejayaan memberangsangkan melalui kempen LBS Fabulous 20-21, LBS kembali dengan kempen cabutan bertuah LBS Fabulous Extra 2022- 23, kali ini dengan hadiah bernilai RM1.5 juta. Antara hadiah menarik yang ditawarkan adalah 22 unit Perodua Axia, 41 unit motosikal SM Sports 110R, 33 unit Sony 5.1 Cinema Home Soundbars, 46 unit basikal gunung Decathlon Rockrider ST30, Televisyen Panasonic 40" dan pelbagai peralatan elektrik rumah untuk dimenangi. Kempen ini terbahagi kepada dua fasa dan akan diperluaskan merentasi pelbagai platform media sosial LBS manakala bagi fasa kedua pula akan diadakan acara berbentuk karnival di beberapa lokasi terpilih bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia..



22 Julai 2022

Mesyuarat "Town Hall" Hibrid

LBS mengadakan mesyuarat "Town Hall" kedua tahun ini dengan tema 'Bersama, Kita Maju Ke Hadapan' yang membawa maksud penglibatan bersama LBS dan MGB. Mesyuarat "Town Hall" menjadi salah satu platform komunikasi rasmi bagi Syarikat dan pihak pengurusan serta pekerja untuk berkongsi maklumat terkini. Pendekatan hibrid yang berlangsung secara atas talian dan fizikal tersebut berjaya menerima kehadiran 800 kakitangan pekerja daripada kedua-dua LBS Bina Group Berhad dan MGB Berhad.



16 Jun 2022

Mesyuarat Agung Tahunan ke-22

LBS Bina Group Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 yang dijalankan secara maya sepenuhnya. LBS turut mengumumkan bahawa kesemua 11 resolusi biasa yang dibentangkan semasa AGM untuk pertimbangan telah diluluskan oleh para pemegang sahamnya, termasuk dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.00 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Sebagai tambahan kepada dividen interim pertama LBS sebanyak 0.85 sen sesaham yang telah diumumkan pada 15 April 2022, jumlah dividen LBS untuk FYE 2021 adalah berjumlah 1.85 sen sesaham.



12 Julai 2022

Sidang Perumahan & Hartanah Malaysia

Tan Sri Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif LBS telah dijemput sebagai speaker jempunan pada Sidang Perumahan dan Hartanah Malaysia untuk berkongsi pandangannya mengenai tema "Membina Rumah dan Hartanah Masa Hadapan: Isu Utama dan Cabaran Pasca Pandemik." Sebagai pemaju perumahan mampu milik, LBS menyarankan langkah seterusnya yang perlu dilakukan adalah untuk meningkatkan pemilikan rumah. Tan Sri Lim Hock San menekankan isu semasa yang dihadapi oleh sektor hartanah, seperti kekurangan buruh yang berterusan, kenaikan kos pematuhan, harga bahan mentah, dan kenaikan kadar pinjaman ke atas pemaju hartanah.



22 Julai 2022

LBS Peroleh Tanah Rimbawan

LBS, melalui anak syarikat subsidiari Casa Inspirasi Sdn Bhd, hari ini memeterai perjanjian untuk cadangan pembangunan tanah di Genting Permai, Bentong, Pahang dengan keluasan lebih 300 ekar. LBS merancang untuk membangunkan tanah tersebut sebagai sebuah pembangunan bercampur. Pembangunan yang bakal dibina itu, terdiri daripada pangsapuri servis, rumah teres dua tingkat, rumah bandar, banglo dan institusi pendidikan serta kemudahan awam seperti sekolah dan hospital yang berdekatan. Nilai pembangunan kasar tersebut dijangka lebih daripada RM9 bilion.



3 Ogos 2022

Pelancaran Beli dengan Watsons dan Berpeluang Memiliki Rumah

Watsons Malaysia meraikan Ulang Tahun ke-12 Ahli Kelab Watsons tahun ini. Bersempena dengan sambutan kali ini, Watsons telah melancarkan kempen “Beli dengan Watsons dan Berpeluang Memiliki Rumah” di mana pemenang bertuah bakal memiliki rumah baharu sekaligus menikmati lebih banyak ganjaran. Tahun ini, Watsons telah bekerjasama dengan LBS untuk memberi ganjaran rumah baharu di LBS Skylake Residence serta pelbagai hadiah menarik.



26 Ogos 2022

Majlis Pelancaran LBS Fabulous Extraaaa

Selepas kejayaan memberangsangkan melalui kempen LBS Fabulous 20-21, LBS Bina Group Berhad (LBS) kembali dengan kempen Pelancaran Media LBS Fabulous Extra 2022-23, kali ini dengan hadiah bernilai RM1.5 juta untuk dimenangi. Pelbagai hadiah menarik seperti kereta, motosikal, peralatan rumah, sistem hiburan dan banyak lagi, untuk dimiliki oleh bakal pembeli bertuah.

Antara hadiah menarik yang ditawarkan adalah 22 unit Perodua Axia, 41 unit motosikal SM Sports 110R, 33 unit Sony 5.1 Cinema Home Soundbars, 51 unit basikal gunung Decathlon Rockrider ST30, Televisyen Panasonic 40” dan pelbagai peralatan elektrik rumah untuk dimenangi.



24 Ogos 2022

Anugerah StarProperty 2022

LBS Bina Group telah berjaya memenangi pelbagai pencapaian dalam industri hartanah dengan menerima Anugerah StarProperty 2022 seperti berikut, Anugerah All Stars – Pemaju Perumahan Berprestasi Tinggi, Anugerah Pakar Strategi Digital (Cemerlang), Anugerah Perniagaan Hartanah (Pembangunan Komersial) bagi Cameron Centrum (Kepujian), Anugerah Highlander untuk Vines 3, Cameron Golden Hills (Merit), Anugerah Rumah Permulaan (Teres) untuk KITA Mesra Setingkat (Merit), Anugerah Mesra Keluarga (Bangunan Tinggi) untuk Prestige Residence (Merit), Anugerah Mesra Keluarga (Teres) untuk KITA Mekar Dua Tingkat (Merit).



29 Ogos 2022

Anugerah 10 Pemaju Terbaik BCI Asia

LBS telah merangkul satu lagi kemenangan untuk Anugerah 10 Pemaju Terbaik 2022 di Anugerah BCI Asia (BCIAA), yang mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada pemaju di seluruh Asia Tenggara. Kedudukan 10 teratas BCI Asia bagi pemaju tahun 2022 telah dirangka untuk mempamerkan gambaran antarabangsa melalui sumbangan mereka menerusi seni bina yang mampan dalam tujuh pasaran serantau di seluruh Asia.



LBS Foundation believes in **inclusivity** and **sustainable wellbeing**. As part and parcel of this equation for betterment, we are looking at society as a whole. This includes giving support to those in deserving segments, as well as non-profit programmes that elevate the quality of life for all.

LBS Foundation is driven by love, compassion, gratefulness and community; these the values underline its core belief – **Growing With Compassion**.



23 Jun 2022

LBS Foundation Sumbang Keperluan Perabot kepada Balai Polis BSP

LBS Foundation telah menyumbang perabot ke Balai Polis Bandar Saujana Putra bagi kegunaan pejabat baru mereka.



23 Jun 2022

LBS Foundation Sumbang Keperluan Perabot kepada Empat Buah Keluarga yang Memerlukan

LBS Foundation menyumbangkan katil dan tilam kepada 4 keluarga yang memerlukan. Antara penerima bantuan tersebut adalah ibu tunggal yang menghidap kanser tahap 4, seorang ibu dengan 6 orang anak yang tinggal serumah tanpa tempat tidur, seorang ibu dengan 5 orang anak-anak yang masih bersekolah dan bekerja sebagai tukang masak separuh masa, serta pasangan warga emas yang kedua-duanya menghidap strok.





Health

Improving the health and welfare of the needy group



Education

Creating a better nation through providing financial assistance and better learning environment to students and schools



Environment

Protecting and preserving environment through education and partnering programmes




Community

Building strong and harmony society by improving general well-being of the underprivileged group and promoting heritage, sports, arts and cultural



1 Ogos 2022

LBS Foundation menyampaikan replika cek bantuan pendidikan kepada sebuah keluarga di Kuantan
Dato' Sri Lim Hock Sing mewakili LBS Foundation, menyampaikan cek replika bagi bantuan pendidikan bernilai RM10,000 kepada keluarga penerima. Mendiang ayahnya yang baru meninggal dunia akibat jangkitan buah pinggang telah menyebabkan isteri dan pasangan lelaki tersebut bertindak untuk membunuh diri dan meninggalkan anak lelakinya.



17 Ogos 2022

LBS Foundation Sumbang RM20,000 kepada Universiti Merdeka pada Pelancaran Sambutan Ulang Tahun yang ke-53.



LBS Foundation telah menyumbang RM20,000 kepada Universiti Merdeka pada Pelancaran Sambutan Ulang Tahun yang ke-53. Cek tersebut diserahkan kepada Tan Chin Yim, Setiausaha Universiti Merdeka oleh Encik Victor.



17 Ogos 2022

LBS Foundation Sumbang RM100,000 kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera

LBS Foundation menyumbangkan RM100,000 kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Datuk Richard mewakili LBS Foundation, semasa sesi penyerahan cek replika kepada Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein.



mempertingkatkan individu
mengukuhkan komuniti

